Tuan Mat bin Tuan Wil dan lain-lain lwn Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim

MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU) — SAMAN PEMULA NO 24 NCVC-120–03 TAHUN 2015
AZMAN ABDULLAH H
7 MEI 2015

Undang-Undang Perlembagaan — Bidang kuasa — Mahkamah Tinggi — Permohonan bagi pengisytiharan bahawa Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 terbatal dan tidak sah — Percanggahan dengan Perlembagaan Persekutuan — Sama ada Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa mendengar dan memutuskan permohonan

Plaintif-plaintif memfailkan permohonan ini bagi, antara lain, pengisytiharan bahawa Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 ('Enakmen') terbatal dan tidak sah kerana bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Menurut plaintif, Enakmen menyalahi undang-undang kerana memperuntukan bahawa Dewan Undang Negeri Kelantan tidak mempunyai kuasa menggubal undang-undang. Defendan membangkitkan bantahan awal bahawa hakim Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidang kuasa mendengar dan memutuskan perintah-perintah yang dipohon oleh plaintif-plaintif bagi mencabar kesahan undang-undang negeri; dan permohonan dibuat bertentangan dengan peruntukkan perkara 4(3) dan (4) dan 128 Perlembagaan Persekutuan ('Perlembagaan').

Diputuskan, menolak permohonan:

(1) Kausa tindakan belum lagi wujud semasa plaintif-plaintif memfailkan notis usul dan ianya seolah-olah 'put the cart before the horse' dan bantahan awal defendan diterima. Plaintif telah mulakan dan memohon kebenaran di Mahkamah Tinggi untuk memulakan tindakan ini. Perkara 76 dan 76A Perlembagaan yang dirujuk oleh plaintif sebagai asas permohonan bukannya peruntukan yang memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk mendengar dan memutuskan apa yang plaintif-plaintif pohon (lihat perenggan 26–27).

(2) Menurut perkara 4(3) dan (4) Perlembagaan, plaintif-plaintif hanya boleh memulakan tindakan di Mahkamah Persekutuan bagi memohon kebenaran terlebih dahulu dan bukan memulakan di Mahkamah Tinggi dan baru memohon untuk dirujuk ke Mahkamah Persekutuan. Perkara 128 Perlembagaan menyatakan bahawa hanya Mahkamah Persekutuan berbidang kuasa menentukan persoalan sama ada undang-undang oleh

A Badan Perundangan Negeri tidak sah kerana tidak mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang tersebut (lihat perenggan 17–18).

[English summary

B The plaintiffs filed the present application for, inter alia, a declaration that the Syariah Criminal Code (II) 1993 ('the Enactment') was void and invalid as it contravened the Federal Constitution. According to the plaintiffs, the Enactment contravened the laws by providing that the Kelantan State Legislative Assembly did not have the power to enact laws. The defendant
C raised a preliminary objection that the High Court judge did not have the jurisdiction to hear and decided the orders sought by the plaintiffs to challenge the state laws; and the application was made in contravention with the provisions of arts 4(3) and (4) of the Federal Constitution ('the Constitution').

D **Held,** dismissing the application:

(1) The cause of action had not existed when the plaintiffs filed the notice of motion and it was as if putting the cart before the horse and the defendant's preliminary objection was allowed. The plaintiffs commenced and applied for leave at the High Court to commence this
E action. Articles 76 and 76A of the Constitution referred by the plaintiff as the basis of application were not the provisions which empowered the High Court to hear and decide what was sought by the plaintiffs (see paras 26–27).

F (2) Under arts 4(3) and (4) of the Constitution, the plaintiffs could only commence the action in the Federal Court first to apply for leave and not in the High Court and later apply to be referred to the Federal Court. Article 128 of the Constitution stipulated that only the Federal Court has the jurisdiction to determine the question whether the laws made by the
G State Legislative Assembly were invalid for not having the powers to enact such laws (see paras 17–18).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai Mahkamah Tinggi, lihat 3(2) *Mallal's Digest* (5th Ed,
H 2015) perenggan 2971–2977.

Kes-kes yang dirujuk

Ah Thian v Government of Malaysia [1976] 2 MLJ 112, MP (dirujuk)
Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur v Menteri Dalam Negeri &
I *Ors* [2014] 4 MLJ 765; [2014] 6 CLJ 541, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 84
Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971

Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 28
Perlembagaan Persekutuan perkara 4(1), (3), (4), 76, 76(A), 128, Senarai Persekutuan

Andy Yong (Jayanthi Balaguru, Raymond Leong, Ong SL dan Chai KT bersamanya) (NS Leong & ST Low) bagi pihak plaintif-plaintif.
Nooriah bt Othman (Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan) bagi pihak defendan.

Azman Abdullah H:

LATAR BELAKANG KES

[1] Pihak plaintif-plaintif melalui peguamcaranya dari Tetuan N S Leong & S T Low telah memfailkan saman pemula berserta afidavit menyokong saman pemula ini diikrarkan oleh plaintif pertama, kedua dan ketiga difailkan di Mahkamah Tinggi Malaya di Kota Bharu pada 18 Mac 2015.

[2] Pada intultumen saman pemula plaintiff-plaintif ini dinyatakan akan perkara-perkara yang terlibat iaitu tiga:

(a) dalam perkara A 28 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012;

(b) dalam perkara art 76 dan 76(A) Perlembagaan Persektuan; dan

(c) dalam perkara Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993.

[3] Manakala perintah-perintah yang dipohon pula adalah dua perintah yang utama:

(a) bahawa kebenaran diberi menurut perkara 76 dan 76(A) Perlembagaan Persekutuan bagi pengisytiharan bahawa Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 adalah batal dan tidak sah kerana bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan;

(b) sesuatu deklarasi bahawa Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 18 Mac 2015 adalah menyalahi undang-undang, batal dan tidak sah bertentangan dengan perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan; dan

(c) lain-lain deklarasi relif atau perintah yang berbangkit difikirkan wajar oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

[4] Alasan-alasan kepada permohonan ini dinyatakan bersama di dalam notis usul iaitu sebanyak lima alasan:

(a) bahawa Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 adalah menyalahi undang-undang kerana ia memperuntukan berkenaan dengan perkara-perkara bahawa Dewan Undang Negeri Kelantan tidak mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang;

(b) bahawa Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 adalah ultra vires dan tidak sah dan menjadi tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan;

(c) bahawa Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 adalah tidak sah kerana ia membuat peruntukkan berkenaan dengan perkara-perkara yang mana Dewan Perundang Negeri itu tidak mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang;

(d) bahawa setengah peruntukan dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 mewujudkan kesalahan berkenaan dengan perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; dan

(e) alasan-alasan dan isu-isu yang lain adalah dinyatakan dalam afidavit sokongan yang difailkan di sini.

AFIDAVIT SOKONGAN PLAINTIF (BERTARIKH 18 MEI 2015)

[5] Bagi menyokong notis usul permohonan plaintif ini pihak plaintif-plaintif telah memfailkan tiga afidavit sokongan iaitu plaintif pertama (lamp 2), plaintif kedua (lamp 3) dan plaintif ketiga (lamp 4) yang mana isinya adalah sama yang antara lain di perenggan 3 setiap afidavit sokongan di lamp 2, 3 dan 4 ini menyatakan:

> 3. Sepertimana yang dinasihati oleh peguamcara saya, saya difahamkan bahawa Kerajaan Kelantan Darul Naim telah meluluskan Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1993 (II) (seterusnya dirujuk sebagai 'Enakmen II') di persidangan Dewan Undangan Negeri baru-baru ini pada 18.3.2015. Saya sesungguhnya percaya bahawa kelulusan enakmen ini melanggar Perlembagaan Persekutuan.
>
> 4. Saya percaya sebahagian daripada kesalahan jenayah dalam Enakmen II merangkumi perkara dalam bidang kuasa perundangan kerajaan persekutuan seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.
>
> 5. Saya juga percaya Enakmen II akan memberi kesan semua rakyat Malaysia termasuk mereka yang bukan Islam di mana akan terada keadaan yang tidak dapat dielakkan di dalamnya yang melibatkan orang bukan Islam.
>
> 6. Terdapat kemungkinan bahawa Negeri Kelantan Darul Naim akan memperkenalkan Rang Undang-undang Ahli Persendirian di Parliament untuk melaksanakan Enakmen II. Saya fikir ini tidak sesuai kerana ia akan memusnahkan struktur asas Perlembagaan Persekutuan. Tambahan pula undang-undang itu tidak sesuai dalam mesyarakat berbilang kaum seperti

mana yang kita hidup dan juga akan mewujudkan dua system undang-undang jenayah yang berasingan.

7. Berdasarkan fakta-fakta di atas, saya dinasihati selanjutnya oleh peguamcara saya bahawa permohonan ini menimbulkan isu-isu undang-undang yang melibatkan soalan kepentingan umum dan kepentingan awam. Saya memohon agar Mahkamah Yang Mulia ini akan mempertimbangkan permohonan ini atas dasar perlembagaan keadilan dan sesaksamaan.

8. Dalam keadaan ini, saya dengan rendah diri memohon Mahkamah yang mulia ini untuk memberi suatu deklarasi dan pengisythiran seperti yang dipohon atas alasan-alasan yang dinyatakan di atas.

NOTIS PERMOHONAN (LAMP 6)

[6] Sebelum sempat kes ini disebut pertama kali di hadapan timbalan pendaftar, pada 25 Mac 2015 pihak plaintif-plaintif memfailkan satu notis permohonan (lamp 6) di dalam kes yang sama memohon antara lain:

(a) saman pemula ini berkenaan persoalan Perlembagaan dirujuk oleh Mahkamah Tinggi (*reference of constitutional question by High Court*) ke Mahkamah Persekutuan, Malaysia selaras dengan s 84 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Courts of Judicature Act 1964) berdasarkan kepada isu-isu seperti berikut:

(i) sama ada Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Pindaan 2015 yang dibentangkan pada 18 Mac 2015 dan diluluskan pada 10 Mac 2015 oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan adalah bertentangan dan/atau bercanggah kepada doktrin struktur asas perlembagaan berdasarkan kepada perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia (*contravenes the basic structure doctrine housed in art 4(1) of the Federal Constitution*); dan

(ii) sama ada Dewan Undangan Negeri Kelantan mempunyai kuasa untuk mengubal dan meluluskan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Pindaan 2015 pada 19 Mac 2015;

(b) keseluruhan prosiding di mahkamah ini digantung sementara menunggu keputusan rujukan oleh Mahkamah Persekutuan, Malaysia;

(c) tiada perintah terhadap kos; dan

(d) lain-lain perintah dan/atau relif lain yang diputuskan adil dan sesuai manfaat oleh mahkamah yang mulia ini.

[7] Alasan-alasan permohonan adalah bahawa:

(a) bahawa perintah deklarasi yang dipohon dalam saman pemula ini adalah melibatkan isu-isu mentafsirkan Perlembagaan Persekutuan, Malaysia;

(b) bahawa selanjutnya, adalah wajar dan adil bahawa prosiding ini digantungkan sehingga kesemua isu-isu berkenaan dirujuk dan diputuskan oleh Mahkamah Perseketuan;

(c) bahawa isu-isu yang dirujuk kepada Mahkamah Persekutuan melibatkan kepentingan-kepentingan dan hak-hak asasi jelata Malaysia; dan

(d) seperti yang dinyatakan dalam afidavit plaintif-plaintif yang difailkan di sini.

Afidavit menyokong notis permohonan oleh plaintif pertama, kedua dan ketiga (lamp 6A, 6B dan 6C) adalah hampir sama di mana antaranya ialah:

> Di para 4. Saya telah dinasihati oleh peguamcara saya dan sesungguhnya percaya bahawa perintah deklarasi yang dipohon dalam Saman Pemula tersebut melibatkan beberapa isu-isu yang memerlukan suatu rujukan kepada Mahkamah Persekutuan untuk mentafsirkan Perlembagaan Persekutuan selaras dengan Seksyen 84 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Courts of Judicature Act 1964) berdasarkan kepada isu-isu seperti berikut:
>
> (a) Sama ada Enakmen Kanun Jenayah Syariah II (1993) Pindaan 2015 (dengan ini dirujuk sebagai '2015 Enakmen') yang dibentangkan pada 18.3.2015 dan diluluskan pada 19.03.2015 oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan adalah bertentangan dan/atau bercanggah kepada struktur asas doktrin berdasarkan kepada Artikel 4(1) Perlembagaan Persekutuan, Malaysia (contravene the basis structure doctrine of Federal Constitution); dan
>
> (b) Sama ada Dewan Undangan Negeri Kelantan mempunyai kuasa untuk megubal dan meluluskan 2015 Enakmen pada 19.3.2015.
>
> 5. Saya juga dinasihatkan oleh peguamcara saya dan sesungguhnya percaya bahawa adalah wajar dan adil bahawa prosiding ini patut dgantungkan sehingga kesemua isu-isu berkenaan dirujuk dan diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan.
>
> 6. Seterusnya, saya telah dinasihati oleh peguamcara saya dan sesungguhnya percaya bahawa isu-isu tersebut yang dirujuk kepada Mahkamah Persekutuan menglibatkan kepentingan-kepentingan dan hak-hak asasi jelata Malaysia.
>
> 7. Saya percaya sebahagian daripada kesalahan jenayah dalam 2015 Enakment merangkumi perkara dalam bidangkuasa perundangan Kerajaan Persekutuan seperti yang diperuntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.
>
> 8. ...
>
> 9. Bahawa Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim akan memperkenalkan Rang Undang-Undang Ahli Persendirian ke parliament untuk melaksanakan 2015 Enakment. Saya fikir ini tidak sensuai kerana ia akan memusnahkan struktur asas Perlembagaan Persekutuan. Tambahan pula undang-undang itu tidak sesuai

dalam masyarakat berbilang kaum seperti yang kita hidup dan juga akan mewujudkan dua system undang-undang jenayah yang berasingan.

10. ...

BANTAHAN AWAL OLEH DEFENDAN

[8] Pihak defendan telah menghantar surat bertarikh 16 April 2015 yang diterima pada tarikh yang sama menyatakan hasrat mereka untuk membangkitkan bantahan awal terhadap saman pemula dan notis permohonan yang mana lampiran 6 notis permohonan plaintif akan didengar pada 20 April 2015. Bantahan awal defendan adalah atas alasan-alasan berikut:

(a) Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidang kuasa mendengar dan memutuskan perintah-perintah yang dipohon oleh plaintif-plaintif bagi mencabar kesahan Undang-Undang Negeri; dan

(b) permohonan yang dibuat bertentagan dengan perutukkan dalam perkara 4(3) dan 4(4) dan perkara 128 Perlembagaan Persekutuan.

PLAINTIF FAILKAN SAMAN PEMULA PADA 18 MAC 2015, ENAKMEN KANUN JENAYAH SYARIAH (II) 1993 PINDAAN 2015 DILULUSKAN PADA 19 MAC 2015

[9] Pihak plaintif-plaintif sendiri mengakui di dalam notis permohonan di lampiran 6 di perenggan 4(a) bahawa Enakmen Kanun Jenayah Syariah Pindaan 2015 ini dibentangkan pada 18 Mac 2015 dan hanya diluluskan pada esoknya iaitu pada 19 Mac 2015.

[10] Dengan kata lain semasa saman pemula difailkan oleh plaintif bersama-sama afidavit sokongan oleh peguamcara plaintif-plaintif Dewan Undangan Negeri Kelantan masih membahaskannya. Dengan kata lain kausa tindakan jika pun ada adalah sejurus DUN meluluskannya semestinya bukan pada 18 Mac 2015.

[11] Mahkamah ini secara jelas dan nyata berpuas hati bahawa plaintif-plaintif bermaksud untuk membatalkan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Pindaan 2015 di dalam saman pemulanya apabila merujuk kepada perenggan (b) memohon perintah suatu deklarasi Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1993) 'Enakmen tersebut' yang diluluskan oleh DUN Kelantan pada 18 Mac 2015 adalah menyalahi undang-undang, batal dan tidak sah bertentangan dengan perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan.

[12] Begitu juga dengan afidavit sokongan plaintif pertama, kedua dan ketiga di perenggan 3 merujuk tarikh 18 Mac 2015 sebagai tarikh baru-baru ini DUN Kelantan meluluskan Enakmen tersebut. Walhal tarikh 18 Mac 2015

adalah hari yang sama mereka mengikrarkan afidavit sokongan dan memfailkannya di mahkamah bersama saman pemula.

[13] Malah semasa pendengaran bantahan awal oleh defendan pada 20 April baru-baru ini peguamcara plaintif-plaintif telah dirujuk oleh saya beberapa kali akan tarikh 18 Mac 2015 difailkan saman pemula dan DUN Kelantan meluluskannya hanya pada 19 Mac 2015. Malangnya pihak peguamcara plaintif-plaintif masih tidak memohon untuk menarikbalik saman pemula tersebut beserta notis permohonan di lampiran 6.

[14] Malah jika dilihat pada notis permohonan di lampiran 6 dan afidavit sokongan di lampiran 6A, 6B dan 6C hanya merujuk kepada dua tarikh sahaja iaitu pada 18 Mac 2015 sebagai tarikh pembentangan Enakmen Pindaan tersebut di DUN Kelantan dan tarikh saman pemula difailkan dan satu tarikh lagi ialah pada 19 Mac 2015 ialah tarikh yang diakui sendiri oleh plaintif-plaintif sebagai tarikh DUN Kelantan meluluskan Enakmen Pindaan tersebut. Lihat perenggan 1(a) dan (b) lampiran 6 notis permohonan dan perenggan 3(ii), 4(a)dan (b) afidavit plaintif pertama, kedua dan ketiga.

[15] Manakala Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Pindaan 2015 atau dikenali dengan 2015 Enakmen adalah hanya satu-satu Enakmen yang dirujuk oleh mereka baik pada saman pemula atau notis permohonan dan afidavit-afidavit sokongannya.

PERKARA 4(3) DAN 4(4) DAN 128 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA

[16] Mahkamah ini telah meneliti bantahan awal pihak defendan berkait dengan perkara 4(3), 4(4) dan 128 Perlembagaan Persekutuan. Ianya berbunyi di dalam Bahasa Inggeris seperti berikut:

4 SUPREME LAW OF THE FEDERATION

(1) This Constitution is the supreme law of the Federation and any law passed after Merdeka Day which is inconsistent with this Constitution shall, to the extent of the inconsistency, be void.

(2) The validity of any law shall not be questioned on the ground that —

(a) it imposes restrictions on the right mentioned in Article 9(2) but does not relate to the matters mentioned therein; or

(b) it imposes such restrictions as are mentioned in Article 10(2) but those restrictions were not deemed necessary or expedient by Parliament for the purposes mentioned in that Article.

(3) The validity of any law made by Parliament or the Legislature of any State shall not be questioned on the ground that it makes provision

with respect to any matter with respect to which Parliament or, as the case may be, the Legislature of the State has no power to make laws, except in proceedings for a declaration that the law is invalid on that ground or —

(a) if the law was made by Parliament, in proceedings between the Federation and one or more States;

(b) if the law was made by the Legislature of a State, in proceedings between the Federation and that State

(4) Proceedings for a declaration that a law is invalid on the ground mentioned in Clause (3) (not being proceedings falling within paragraph (a) or (b) of the Clause) shall not be commenced without the leave of a judge of the Federal Court; and the Federation shall be entitled to be a party to any such proceedings, and so shall any State that would or might be a party to proceedings brought for the same purpose under paragraph (a) or (b) of the Clause.

128 JURISDICTION OF FEDERAL COURT

(1) The Federal Court shall, to the exclusion of any other court, have jurisdiction to determine in accordance with any rules of court regulating the exercise of such jurisdiction —

(a) any question whether a law made by Parliament or by the Legislature of a State is invalid on the ground that it makes provision with respect to a matter with respect to which Parliament or, as the case may be, the Legislature of the State has no power to make laws; and

(b) disputes on any other question between States or between the Federation and any State.

(2) Without prejudice to any appellate jurisdiction of the Federal Court, where in any proceedings before another court a question arises as to the effect of any provision of this Constitution, the Federal Court shall have jurisdiction (subject to any rules of court regulating the exercise of that jurisdiction) to determine the question and remit the case to the other court to be disposed of in accordance with the determination.

(3) The jurisdiction of the Federal Court to determine appeals from the Court of Appeal, a High Court or a judge thereof shall be such as may be provided by federal law.

[17] Pihak plaintif di dalam saman pemula dan notis permohonannya mencabar kuasa Badan Perundangan Negeri untuk mengubal dan meluluskan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 oleh itu dibaca peruntukan perkara 4(3) dan 4(4) pihak plaintif hanya boleh memulakannya di Mahkamah Persekutuan memohon kebenaran terlebih dahulu di sana bukannya

memulakan di Mahkamah Tinggi dan baru memohon untuk dirujuk ke Mahkamah Persekutuan.

[18] Perkara 128 menyatakan bahawa hanya bidang kuasa Mahkamah Persekutuan sahaja untuk menentukan persoalan sama ada undang-undang oleh Badan Perundangan Negeri tidak sah kerana tidak mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang tersebut.

[19] Oleh itu meneliti saman pemula dan notis permohonan dan afidavit plaintif adalah jelas inilah yang dipohon oleh pihak plaintif bahawa Badan Perundangan Negeri tidak mempunyai kuasa meluluskan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993.

ASAS KEPADA PERMOHONAN PLAINTIF DI BAWAH PERKARA 76 DAN 76A PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

[20] Perkara 76 dan 76A adalah seperti berikut:

76 POWER OF PARLIAMENT TO LEGISLATE FOR STATES IN CERTAIN CASES

(1) Parliament may make laws with respect to any matter enumerated in the State List, but only as follows, that is to say:

(a) for the purpose of implementing any treaty, agreement or convention between the Federation and any other country, or any decision of an international organization of which the Federation is a member; or

(b) for the purpose of promoting uniformity of the laws of two or more States; or

(c) if so requested by the Legislative Assembly of any State.

(2) No law shall be made in pursuance of paragraph (a) of Clause (1) with respect to any matters of Islamic law or the custom of the Malays or to any matters of native law or custom in the States of Sabah and Sarawak and no Bill for a law under that paragraph shall be introduced into either House of Parliament until the Government of any State concerned has been consulted.

(3) Subject to Clause (4), a law made in pursuance of paragraph (b) or paragraph (c) of Clause (1) shall not come into operation in any State until it has been adopted by a law made by the Legislature of that State, and shall then be deemed to be a State law and not a federal law, and may accordingly be amended or repealed by a law made by that Legislature.

(4) Parliament may, for the purpose only of ensuring uniformity of law and policy, make laws with respect to land tenure, the relations of landlord

and tenant, registration of titles and deeds relating to land, transfer of land, mortgages, leases and charges in respect of land, easements and other rights and interests in land, compulsory acquisition of land, rating and valuation of land, and local government; and Clauses (1)(b) and (3) shall not apply to any law relating to any such matter.

76A POWER OF PARLIAMENT TO EXTEND LEGISLATIVE POWERS OF STATES

(1) It is hereby declared that the power of Parliament to make laws with respect to a matter enumerated in the Federal List includes power to authorize the Legislatures of the States or any of them, subject to such conditions or restrictions (if any) as Parliament may impose, to make laws with respect to the whole or any part of that matter.

(2) Notwithstanding Article 75, a State law made under authority conferred by Act of Parliament as mentioned in Clause (1) may, if and to the extent that the Act so provides, amend or repeal (as regards the State in question) any federal law passed before that Act.

(3) Any matter with respect to which the Legislature of a State is for the time being authorized by Act of Parliament to make laws shall for purposes of Articles 79, 80 and 82 be treated as regards the State in question as if it were a matter enumerated in the Concurrent List.

[21] Adalah jelas perkara 76 dan 76A yang dirujuk oleh pihak plaintif sebagai asas permohonan bukannya peruntukan yang memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk mendengar dan memutuskan apa yang pihak plaintif pohonkan di dalam saman pemulanya dan *intitulement* atau tajuk ringkas kepada muka depan saman pemula plaintif. Ini adalah kerana perkara 4(3) dan (4) hanya memberi kuasa ini kepada Mahkamah Persekutuan sahaja. Oleh itu perlu dimulakan dan difailkan di Mahkamah Persekutuan bukannya difailkan di Mahkamah Tinggi dan membuat notis permohonan meminta Mahkamah Tinggi ini untuk menghantarnya/memindahkannya ke Mahkamah Persekutuan. Perkataan 'SHALL NOT BE COMMENCED WITHOUT THE LEAVE OF A JUDGE OF THE FEDERAL COURT;' memberi maksud dimulakan hanya setelah mendapat kebenaran hakim Mahkamah Persekutuan. Pada kes ini pihak plaintif telah mulakan dan memohon kebenaran di Mahkamah Tinggi untuk memulakan tindakan ini (lihat saman pemula plaintif — para (1)(a) dan (b)).

[22] Kedua-dua belah pihak plaintif dan defendan merujuk nas yang sama di dalam kes *Ah Thian v Government of Malaysia* [1976] 2 MLJ 112. Manakala satu kes terbaharu oleh Mahkamah Persekutuan telah mengikut keputusan kes *Ah Thian* ini di dalam kes *Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur v Menteri Dalam Negeri & Ors* [2014] 4 MLJ 765; [2014] 6 CLJ 541.

[23] Peguamcara merujuk kes *Ah Thian* dengan menyatakan bahawa Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa mendengarnya atas keputusan berdasarkan fakta yang berbeza. Di dalam kes hari ini apa yang dicabar oleh pihak plaintif bahawa Badan Perundangan Negeri atau DUN Kelantan tidak mempunyai kuasa meluluskan Enakmen Syariah tersebut. Di dalam kes *Ah Thian* pihak pemohon hendak menentang kesahan Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 bukannya atas alasan Parlimen tiada kuasa membuat undang-undang. Diputuskan oleh Suffian LP sebagai:

> The applicant wants to attack the validity of the Firearms (Increased Penalties) Act not on the ground that it relates to a matter with respect to which Parliament has no power to make law. In my judgment, this Act deals with criminal law and the administration of justice, both matters with respect to which Parliament has power to make law (see item 4 of List I in the Ninth Schedule to the Constitution). The applicant says that the Act is invalid because it is inconsistent with the Constitution, ie on ground (2) set out in para 9 above. Therefore cl (4) of art 4 and cl (1) of art 128 do not apply and the point may be raised in the ordinary way in the course of submission, and determined in the High Court, without reference to the Federal Court, and there is no need for leave of a judge of the Federal Court.

[24] Dilihat alasan (1) dan (3) pihak plaintif di dalam saman pemulanya dengan jelas dinyatakan Dewan Undangan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk membuat udang-undang.

[25] Penghakiman yang sama di dalam kes *Ah Thian* menyentuh perkara 4(3) dan (4) dan perkara 128 Perlembagaan Persekutuan:

> Secondly, cl (4) of Article provides that proceedings of the type mentioned in (a) above may not ne commenced by an individual without leave of the judge of the Federal Court and the Federation is entitled to be a party to such proceedings ...
>
> Thirdly, cl (1) of art 128 provides that only the Federal Court has jurisdiction to determine whether a law mad by Parliament or by the State Legislature is invalid on the ground that it relates to a matter with respect to which the relevant legislative has no power to make law.

[26] Di dalam kes *Ah Thian* tiada langsung dibincang perkara 76 dan 76A Perlembagaan Persekutuan yang dijadikan asas permohonan plaintif di dalam *intiltulement* atau tajuk saman pemula dan notis permohonan plaintif.

[27] Dengan ini memutuskan bahawa kausa tindakan pada 18 Mac 2015 belum lagi wujud semasa pihak plaintif memfailkan notis usul ini dan ianya seolah-olah 'put the cart before the horse' dan bantahan awal defendan diterima dan mahkamah ini juga bahawa jika pun kausa tindakan wujud sekalipun plaintif di bawah perkara 4(3) dan (4) dan perkara 128 Perlembagaan Persekutuan.

[28] Dengan ini notis permohonan di lampiran 6 plaintif ditolak dan saman pemula plaintif juga dibatalkan dengan kos perlu dibayar oleh plaintif-plaintif kepada defendan sebanyak RM10,000.

Permohonan ditolak.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad